

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.10.2014

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. tapak-tapak pelancongan seperti "*theme park*" taman tema juga perlu membayar duti hiburan. Jika ya, bagaimanakah dengan kadarnya; dan

- b. memandangkan kesemua "*theme park*" mempunyai pelaburan rakyat Malaysia dan mereka juga perlu membayar pelbagai cukai, apakah rasionalnya untuk mereka membayar duti hiburan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan takrifan “hiburan” dan “kemasukan ke suatu hiburan” di bawah Akta Duti Hiburan 1953, bayaran tiket untuk memasuki taman tema dan bayaran untuk menggunakan kemudahan yang disediakan dalam taman tema tertakluk kepada duti hiburan pada kadar 25% daripada caj yang dikenakan oleh pengendali taman tema. Mengikut Fasal (1), Perkara 110 Perlembagaan Persekutuan, dibaca bersama dengan item 4 Bahagian III, Jadual Kesepuluh, duti hiburan adalah merupakan sumber hasil yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri. Justeru, segala hasil yang dikutip daripada aktiviti hiburan adalah menjadi hasil kepada Kerajaan Negeri.
- b. Aktiviti hiburan yang dinikmati di taman tema lebih merupakan suatu bentuk rekreasi dan bukan suatu keperluan asasi. Sehubungan itu, duti hiburan sewajarnya dikenakan dan ditanggung oleh pengunjung taman tema.